



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 8/1972**

**Menetapkan Tugas-tugas Pegawai Tanah Sebagai
Pegawai Pendaftar (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 8/1972
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 8/1972**

Menetapkan Tugas-tugas Pegawai Tanah Sebagai Pegawai Pendaftar (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah dalam memberi tugas kepada seorang Pegawai Petempatan untuk menjalankan kuasa-kuasa Pendaftar surat-surat hakmilik (*documents of title*) dan suratcara-suratcara urusniaga (*instruments of dealing*).

2. Tugas-tugas mengenai pendaftaran surat-surat hakmilik tanah dan suratcara-suratcara urusniaga amat berat tanggungannya. Ini adalah kerana sesuatu kesilapan dari segi undang-undang atau dari segi peraturan yang dilakukan oleh pegawai itu mungkin menjadi satu perkara 'kes' Mahkamah. Ada kemungkinan iaitu perkara Mahkamah ini boleh menimbulkan satu pendakwaan ganti rugi terhadap Pihak Berkuasa Negeri. Memandangkan kepada kedudukan tersebut, adalah mustahak bagi kepentingan pentadbiran tanah, tugas-tugas mendaftarkan surat-surat hakmilik atau suratcara-suratcara urusniaga itu diberikan kepada seorang pegawai yang kanan sekali di daerah itu dan juga mahir di dalam kerja-kerja pentadbiran tanah.

3. Di beberapa daerah adalah menjadi kebiasaan memberikan tugas kepada seorang Pegawai Petempatan yang telah dilantik sebagai Penolong Pentadbir Tanah. Jika cara yang demikian telah diamalkan, maka adalah mustahak dibuat pertukaran serta merta memandangkan kepada alasan-alasan yang disebutkan di perenggan 2 di atas. Jika Pentadbir Tanah berpendapat pegawai yang kanan sekali di daerah itu kurang berpengalaman dalam kerja-kerja pentadbiran tanah dan tidak sesuai untuk menjalankan tugas-tugas Pendaftar, maka beliau sendiri hendaklah menjalankan tugas-tugas itu. Bagi setiap pegawai yang menjalankan kerja-kerja yang mana bukan berada di bawah tanggungjawab beliau, mereka ini hendaklah diwartakan bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja yang mereka jalankan ini agar mereka dipelihara dan dilindungi oleh undang-undang.

4. Adalah dinasihatkan setiap arahan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah menurut subseksyen 12(5) Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah menurut dasar-dasar yang tersebut di atas.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan